KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

# APAKAH SKIM KEPENTINGAN?

## MAKSUD SKIM KEPENTINGAN

- **Skim kepentingan** bermaksud pengumpulan wang daripada orang ramai oleh pihak syarikat untuk menjalankan skim dan telah dijanjikan satu kepentingan dalam skim syarikat tersebut.
- Kepentingan yang dimaksudkan termasuk kemudahan dan servis yang disediakan, keuntungan atau pulangan, bergantung kepada jenis skim tersebut.




Tel: 03 - 7721 4000
Faks 03 - 7721 4001
E-mail: enquiry@ssm.com.my
@SSMOFFICIALPAGE

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

# APAKAH
## KATEGORI SKIM KEPENTINGAN?

**KATEGORI DAN CONTOH SKIM KEPENTINGAN**

### SKIM PELABURAN



Taman Peringatan



Pertanian



ICT



Dobi

### SKIM KONGSI-MASA



Rumah Peranginan




Residensi Percutian

### SKIM KEAHLIAN REKREASI



Golf & Rekreasi



Marina



Rekreasi Business Suite

### SKIM HIBRID

*Gabungan mana-mana kategori skim

Tel: 03 - 7721 4000
Faks 03 - 7721 4001
E-mail: enquiry@ssm.com.my
@SSMOFFICIALPAGE

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

# SIAPAKAH
## GOLONGAN SASAR SKIM KEPENTINGAN?




### PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)

- Satu kaedah alternatif bagi syarikat yang sedang meningkat naik untuk **mengumpul dana** bagi mengembangkan perniagaan.
- Skim yang dapat **menjana pendapatan** daripada aktiviti ekonomi yang berasaskan penyediaan kemudahan, prasarana atau peluang pelaburan yang memenuhi permintaan pasaran atau pemegang kepentingan pada harga yang berdaya saing.



### PELABUR / PEMEGANG KEPENTINGAN

- Satu kaedah pelaburan alternatif bagi **menjana pendapatan** secara pasif.
- Skim yang membolehkan orang awam memanfaatkan kemudahan dan prasarana rekreasi atau percutian pada **harga mampu milik.**

Tel: 03 - 7721 4000
Faks 03 - 7721 4001
E-mail: enquiry@ssm.com.my
@SSMOFFICIALPAGE

4 SIRI PENDIDIKAN SKIM KEPENTINGAN

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

# BAGAIMANA
## UNTUK MENGENAL PASTI SKIM KEPENTINGAN?

**Skim yang ditawarkan mestilah mempunyai kriteria berikut:**

### PERLU MEMBUAT BAYARAN
Anda perlu membuat bayaran kepada syarikat pengurusan untuk menyertai skim.

### MAKLUMAT RISIKO
Anda dimaklumkan mengenai risiko daripada pelaburan yang telah dibuat.

### TIADA PENGLIBATAN
Anda tidak terlibat dalam pengurusan seharian skim.

### BUKAN PEMEGANG SYER
Anda bukan pemegang syer dalam syarikat yang mengendalikan skim.

**DAN**
**Mana-mana satu (1) kriteria di bawah:**

### KEPENTINGAN DALAM HARTA
Anda mempunyai kepentingan dalam harta di dalam skim yang disertai.

### PULANGAN / KEUNTUNGAN
Anda akan mendapatkan pulangan / keuntungan pembayaran yang telah dibuat.

### KEPENTINGAN UNTUK MENGGUNAKAN KEMUDAHAHAN
Anda mempunyai kepentingan untuk menggunakan kemudahan ke atas herta tersebut tidak kurang daripada 12 bulan.

### BERHAK UNTUK MENGGUNAKAN PERCUTIAN
Anda berhak untuk menggunakan kemudahan percutian dua kali atau lebih di dalam tempoh sesuatu skim kongsi-masa.


Tel: 03 - 7721 4000
Faks 03 - 7721 4001
E-mail: enquiry@ssm.com.my
@SSMOFFICIALPAGE

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

# APAKAH
## JENIS-JENIS SKIM KEPENTINGAN?

### SKIM KECIL

- Untuk Syarikat Sdn Bhd dan Awam (Berhad).
- Saiz dana tidak melebihi RM10 juta.

### SKIM PREMIUM

- Untuk Syarikat Awam (Berhad) sahaja.
- Saiz dana tiada had bagi semua kategori skim kecuali Skim Pelaburan (dengan pulangan kewangan) sahaja dihadkan kepada RM50 juta.

### SKIM ASING

- Untuk Syarikat Awam (Berhad) sahaja.
- Lokasi skim di negara asing.
- Saiz dana tiada had bagi semua kategori skim kecuali Skim Pelaburan (dengan pulangan kewangan) sahaja dihadkan kepada RM50 juta.

Tel: 03 - 7721 4000
Faks 03 - 7721 4001
E-mail: enquiry@ssm.com.my

@SSMOFFICIALPAGE

6 | SIRI PENDIDIKAN SKIM KEPENTINGAN

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

# APAKAH

## KERANGKA KERJA PERLINDUNGAN PEMEGANG KEPENTINGAN DI BAWAH SKIM AKTA KEPENTINGAN 2016?

**TAPISAN & PENILAIAN** 1

Syarikat yang mematuhi syarat dan mempunyai model perniagaan yang mampan sahaja dibenarkan untuk mengendalikan skim kepentingan.

**PEMEGANG AMANAH** 2

Bertindak memastikan kepentingan pemegang kepentingan terpelihara & mengambil tindakan terhadap aduan pemegang kepentingan.

**SURAT IKATAN AMANAH** 3

Instrumen yang mengikat tanggungjawab penganjur skim & pemegang amanah terhadap pemegang kepentingan.

**AKAUN AMANAH** 4

Merezabkan sejumlah wang sebagai dana terikat & berfungsi sebagai mekanisma perlindungan tambahan.

**PROSPEKTUS** 5

Mengandungi maklumat penting mengenai skim seperti maklumat penganjur, bentuk perniagaan, kedudukan kewangan serta risiko berkaitan.

**TEMPOH BERTENANG** 6

Pemegang kepentingan diberi masa sekurang-kurangnya 10 hari tempoh bertenang untuk menarik balik pembelian di mana bayaran akan dikembalikan kepada pemegang kepentingan tanpa sebarang denda.

**PEMANTAUAN KAWAL SELIA** 7

Pemantauan berterusan terhadap kadar pematuhan pihak penganjur. Sekiranya terdapat pelanggaran undang-undang tindakan penguatkuasaan akan diambil oleh SSM.

Tel: 03 - 7721 4000
Faks 03 - 7721 4001
E-mail: enquiry@ssm.com.my
@SSMOFFICIALPAGE

7 | SIRI PENDIDIKAN SKIM KEPENTINGAN

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

# APAKAH
## MAKLUMAT BERKAITAN SKIM KEPENTINGAN?

**SEKSYEN SKIM KEPENTINGAN**
**BAHAGIAN PERKHIDMATAN**
**PENDAFTARAN SSM**

**SCAN DISINI**




Tel: 03 - 7721 4000
Faks 03 - 7721 4001
E-mail: enquiry@ssm.com.my
@SSMOFFICIALPAGE

8 SIRI PENDIDIKAN SKIM KEPENTINGAN

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

# BAGAIMANA
## UNTUK MEMBUAT SEMAKAN MENGENAI SKIM PELABURAN HARAM DAN TIDAK SAH?



Menghubungi SSM di talian **03-22994400** atau email di **enquiry@ssm.com.my**. Boleh juga layari laman web SSM di www.ssm.com.my.




Agensi-agensi lain seperti KPDN, Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti, PDRM dan sebagainya.



Tel: 03 - 7721 4000
Faks 03 - 7721 4001
E-mail: enquiry@ssm.com.my
@SSMOFFICIALPAGE

9 SIRI PENDIDIKAN SKIM KEPENTINGAN

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

# APAKAH
## CIRI-CIRI LAZIM PELABURAN HARAM?

1. Menjanjikan pulangan kewangan atau keuntungan terlalu tinggi
2. Kadar pulangan tidak munasabah berdasarkan suasana pasaran perniagaan semasa
3. Jaminan pulangan menguntungkan dan tiada risiko pelaburan
4. Tiada aktiviti perniagaan sebenar dijalankan
5. Tiada usaha/aktiviti ekonomi untuk meningkatkan nilai sesuatu aset pelaburan
6. Reputasi syarikat palsu atau syarikat tidak berdaftar dengan SSM
7. Syarikat tidak menunjukkan ciri-ciri kedudukan kewangan yang kukuh
8. Skim pelaburan tidak didaftarkan dengan badan yang mengawal selia undang-undang yang berkaitan dengan pelaburan yang dijalankan

Tel: 03 - 7721 4000
Faks 03 - 7721 4001
E-mail: enquiry@ssm.com.my
@SSMOFFICIALPAGE

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

# APAKAH
## HUKUMAN MEMBUAT PENAWARAN KEPADA ORANG AWAM TANPA MENDAFTARKAN SKIM KEPENTINGAN DI BAWAH AKTA SKIM KEPENTINGAN 2016?

| SEKSYEN | JENIS KESALAHAN | PENALTI | | |
|---|---|---|---|---|
| 3(3) | Membuat penawaran kepada orang awam tanpa mendaftarkan skim | **Penjara:** Maksimum 10 tahun; atau | **Denda:** Maksimum RM50 juta; atau | Kedua-duanya sekali |

Tel: 03 - 7721 4000
Faks 03 - 7721 4001
E-mail: enquiry@ssm.com.my
@SSMOFFICIALPAGE

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

# APAKAH
## YANG PERLU ANDA AMBIL TAHU SEBELUM MEMBUAT PELABURAN?



**1** Pastikan skim kepentingan tersebut telah didaftarkan dengan SSM, mempunyai Surat Ikatan Amanah yang didaftarkan dengan SSM dan mempunyai prospektus yang masih sah;

**2** Orang awam yang ingin menyertai sesuatu pelaburan perlu membuat penilaian yang bijak dengan memahami kandungan prospektus tersebut terlebih dahulu dengan mengambilkira prospektus sebelum membuat pertimbangan untuk pelaburan. Perlu diingat setiap pelaburan mempunyai risiko;

**3** Dapatkan nasihat perunding kewangan yang bertauliah;

**4** Buat pelaburan dari sumber kewangan lebihan atau simpanan bukan dari pinjaman wang;

**5** Pelbagaikan platform pelaburan bagi mengurangkan risiko.

Tel: 03 - 7721 4000
Faks 03 - 7721 4001
E-mail: enquiry@ssm.com.my
@SSMOFFICIALPAGE

12 SIRI PENDIDIKAN SKIM KEPENTINGAN

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

**PERHATIAN! PERHATIAN! PERHATIAN! PER**




Sekiranya anda menjumpai skim pelaburan haram/tidak berdaftar, sila laporkan dengan mengisi borang e-Aduan (Akta/Pelanggaran Peraturan) di laman sesawang rasmi SSM **www.ssm.com.my** di bahagian e-Complaint.




Tel: 03 - 7721 4000
Faks 03 - 7721 4001
E-mail: enquiry@ssm.com.my
@SSMOFFICIALPAGE